

UCAPAN:

YAB DATUK SERI PANGLIMA DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN

MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PENUTUP

KONVENSYEN PEMERKASAAN KEPIMPINAN LUAR BANDAR MADANI TAHUN 2025

PADA:

24 JUN 2025

2.00 PETANG

BERTEMPAT DI:

SABAH INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE

KOTA KINABALU, SABAH

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

(SALUTASI)

PENDAHULUAN

1. Sebagai seorang anak kampung, saya masih ingat - kepimpinan dahulu bermula dari tangga rumah kayu. Di situlah Tok Ketua duduk bersila, kain pelikat lusuh menyantuni rakyat dengan penuh hikmah. Tiada protokol, tiada pentas gah. Tapi kata-katanya cukup untuk meredakan sengketa, menyambung tali yang hampir putus antara jiran dan keluarga.

2. **Mereka tidak ada mikrofon, sidang media pun tiada.** Mereka bekerja lebih masa, tapi tak pernah berkira. Pemimpin kampung waktu itu dihormati bukan kerana gelarannya, tetapi kerana keikhlasan, kehadiran dan keberanian menyantuni rakyat setiap masa.

3. Hari ini, kepimpinan luar bandar sudah berubah wajah. **Cabaran lebih rumit, amanah makin berat.** Dari tangga rumah kayu ke bilik

mesyuarat berpendingin hawa. Aduan dulu atas ketukan pintu, sekarang mudah dihujung jari sahaja.

4. Tapi apa jua perubahan yang berlaku - ada satu yang kekal iaitu **kepimpinan luar bandar tetap soal menyentuh jiwa**, **menyelami suka dan duka.**

5. Maka hari ini saya berbangga berdiri di hadapan saya hari ini, lebih 1,200 pemimpin akar umbi dari seluruh negeri Sabah, mewakili Jawatankuasa Komuniti Desa MADANI (JKDM) - **anda semua adalah pewaris legasi kepimpinan desa yang masih menjadi benteng kesejahteraan negara.**

TRANSFORMASI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Hadirin sekalian,

6. Alhamdulillah, banyak yang telah berubah. Jalan-jalan desa makin tersambung, sekolah makin dekat, klinik makin hampir, dan kampung-kampung kita kini semakin bercahaya. Anak-anak desa bukan lagi ketinggalan - bukan sekadar berjaya ke universiti, bahkan ramai yang pulang membawa ilmu dari dalam dan luar negara.

7. Namun saya akui, khususnya di Sabah ini - masih banyak yang belum lengkap, masih ada yang jauh dari sempurna. Banyak yang perlu diteruskan dan ditambah baik. Sebagai Menteri yang menerajui kementerian yang menguruskan desa dan wilayah, **saya mahu Sabah terus disantuni dan maju kehadapan.**

8. Dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini sahaja, sebanyak **RM34.5 bilion** telah disalurkan di bawah KKDW. Dan saya bangga menyatakan bahawa **Sabah menerima peruntukan tertinggi - melebihi RM1.1 bilion setahun**, melibatkan **317 projek pembangunan** pada tahun ini - termasuk jalan, bekalan air, kemudahan asas dan inisiatif ekonomi setempat.

9. Ini termasuklah pelbagai program pembangunan ekonomi kampung yang memberi tumpuan kepada tanah terbiar, ekonomi insitu dan produk tempatan. Lebih **7,000 penerima manfaat** telah dibantu. Malah, menerusi **Program Desa Lestari**, sebanyak **RM12.75 juta** telah dilaburkan - mencipta **750 peluang pekerjaan** dan manfaat kepada lebih **5,000 penduduk** – dan paling membanggakan, **Kampung Batu Puteh, Kinabatangan** berjaya menjana **RM9.9 juta melalui sektor pelancongan sejak 2014** hasil daripada usaha ini.

10. Kita pun tidak pernah tinggalkan sektor modal insan, dan tahun lepas **MRSM Ranau** juga telah dibuka – yang mampu tampung

450 pelajar luar bandar. Dan dalam bidang keusahawanan, kita terus bantu anak desa seperti **Encik Rajali dari Tawau**, yang kini berjaya dengan suntikan geran **RM250,000 di bawah Rural Business Challenge.**

11. Saya tahu, tidak semua usaha sempat saya sebutkan satu persatu. Tetapi percayalah - **setiap sen yang dibelanja, setiap dasar yang digubal - semuanya demi memastikan rakyat desa ada bumbung di kepala, ada pendapatan di tangan, dan ada harapan di dada.**

12. Walau masih banyak yang belum sempurna, **itu tidak bererti kita berputus asa.** Kita dengar, kita turun, kita baiki. **Dan di situlah lahirnya JKDM - sebagai mata, telinga dan suara kepada rakyat desa hari ini.**

JAWATANKUASA KOMUNITI DESA MADANI: AGEN PEMBASMI KEMISKINAN TEGAR DAN PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI SABAH

Hadirin sekalian,

13. Kita telah berjaya melantik seramai **2,302 anggota JKDM di Sabah**, iaitu mencecah lebih 80 peratus daripada keseluruhan

2,853 orang. Bagi Fasa 1 tahun 2025 sahaja, sebanyak **RM11 juta** telah diperuntukkan khusus untuk elaun dan gerak kerja JKDM Sabah.

14. Dengan peruntukan yang besar ini saya mahu JKDM memainkan peranannya – menjadi pencetus perubahan, pemudah cara bantuan. Kalau ada rumah yang roboh - JKDM yang lapor. Kalau ada ibu tunggal yang tercicir bantuan - JKDM yang bantu mohon. Kalau ada anak muda yang menganggur - JKDM cari peluang latihan atau pekerjaan.

15. Ini bukan kerja bermusim. **Ini amanah sepanjang masa.** Dan sebab itu, saya tidak mahu JKDM hanya hadir di majlis, tetapi hilang di kampung. **Saya mahu JKDM menjadi 'mata hati' masyarakat - peka, peduli dan proaktif.**

16. Malah, **tugas JKDM tidak hanya berhenti pada bantuan.** Salah satu tanggungjawab terpenting anda adalah memastikan **data komuniti sentiasa dikemaskini** melalui **Profil Komuniti Desa (ProKD)** dan **SPKPN (Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional)**.

17. **Data adalah senjata paling ampuh dalam pembangunan moden.** Dengan maklumat yang lengkap dan tepat, kita boleh rancang dasar secara lebih holistik. Kita boleh pastikan bantuan

sampai kepada yang betul, dan pembangunan disalur ke tempat yang paling memerlukan - bukan berdasarkan andaian, tetapi berdasarkan fakta.

18. Fungsi pengumpulan data ini amat penting bagi membolehkan **KKDW menyampaikan perkhidmatan secara lebih efektif - sama ada projek fizikal seperti infrastruktur, ataupun pembangunan modal insan dan ekonomi setempat.**

19. Justeru itu, pegang amanah ini sebaik-baiknya. Kerana **tanpa kekuatan akar umbi, segala dasar dan perancangan tidak akan memberi makna.** Pembangunan luar bandar hanya akan berjaya jika yang di atas merancang, dan yang di bawah bergerak - **serentak dan sederap.**

JKDM*: *Perisai Rakyat*, *Bukan Sandiwara Politik

Hadirin sekalian,

20. Saya bukan jenis pemimpin yang suka berselindung. Saya tahu, ada yang mempertikai penubuhan JKDM - kononnya ianya inisiatif politik, kononnya bertembung dengan JKKK negeri. Tapi saya tanya - kalau ia membawa manfaat kepada rakyat, mengapa kita harus tolak?

21. JKDM tidak diwujudkan untuk bersaing dengan sesiapa. Ia bukan untuk menggugat, apatah lagi merampas ruang kuasa sesiapa. Kalau JPKK itu mata yang melihat, JKDM ialah tangan yang bertindak. Satu memerhati, satu melaksana. Yang penting, kedua-duanya bergerak seiring demi menyantuni 3.7 juta rakyat Sabah.

22. Tetapi yang lebih penting sebenarnya – kita sepatutnya melihat pemimpin akar umbi seperti anda memainkan peranan. Saya mahu kita mengambil peduli realiti **kadar kemiskinan tegar Sabah masih ditahap membimbangkan** dan perlu diberi perhatian.

23. Dan di sinilah peri pentingnya kerjasama kukuh antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Bukan dengan bermain slogan atau meniup semangat sempit, tetapi dengan benar-benar mencipta solusi. Yang kita perlukan hari ini ialah **kesepakatan untuk membina, bukan perpecahan untuk menjatuhkan.**

24. Malangnya, ada juga yang menjadikan JKDM sebagai alat retorik yang menabur curiga. Masih ada individu yang memilih untuk bermain politik, tetapi menjauhkan diri daripada apa yang paling penting - iaitu membina masa depan dan sosioekonomi rakyat Sabah. Lebih menyedihkan buat saya, apabila ada yang termakan dengan hasutan sebegini.

Tuan-tuan dan puan-puan

23. Saya telah lama berdiri bersama rakyat Sabah - waktu senang dan lebih-lebih lagi waktu susah. Saya kenal denyut nadinya, saya tahu gelombang rasanya. Dan sebab itu, saya tidak akan berdiam diri apabila ada yang cuba memesongkan semangat perpaduan menjadi bahan perpecahan.

24. Bila ada yang memperalatkan kebanggaan rakyat Sabah untuk keuntungan politik jangka pendek, saya tahu – saya mesti bersuara. Kerana walaupun saya bukan orang Sabah, tetapi matlamat kita tetap sama iaitu menginginkan sebuah **Sabah yang maju, makmur dan bermaruah.**

25. Sabah bukan negeri pinggiran. Sabah adalah **rakan kongsi** dalam Persekutuan Malaysia. Inilah semangat yang disepakati sejak **Perjanjian Malaysia 1963** – inilah semangat yang ada dalam jiwa saya.

26. Maka dalam semangat itu jugalah, kita mesti bina kekuatan bersama. Bukan dengan menjerit slogan kosong, tetapi dengan dasar yang **adil**, **inklusif**, dan **berpaksikan rakyat**.

27. Maka hari ini, saya tanya terus kepada semua pemimpin JKDM yang hadir - **adakah anda mahu terus bergelumang**

dengan politik sempit, atau bersama saya membina negeri ini? Adakah kita mahu terus menuding jari, atau berganding bahu untuk merancang dan melaksana?

28. Marilah kita bulatkan tekad, dan ikhlas memahami asas penubuhan JKDM. Jangan kita sia-siakan struktur ini. Bukan untuk suka-suka. Bukan untuk politik. Tetapi kerana rakyat perlukan kita. Sabah perlukan kita.

29. Saya sentiasa percaya, **Sabah adalah simbol perpaduan Malaysia.** Bila negeri ini dipacu dengan pembangunan ekonomi, infrastruktur moden, dan lahirnya generasi muda yang cemerlang – Sabah akan menjadi sebuah negeri yang disegani satu hari nanti. InsyaAllah.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

30. Akhir kalam, **ingatlah, anda bukan sekadar pemimpin kampung. Anda adalah arkitek masa depan luar bandar.** Bersama-sama, kita cipta perubahan demi kehidupan yang lebih bermakna untuk generasi akan datang.

31. Akhir kata dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan ini merasmikan **penutupan Konvensyen Pemerkasaan Kepimpinan Luar Bandar MADANI Tahun 2025.**

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.

Terima kasih.